

# 80 spesies asing bermaharajalela dalam saluran kita

BH 30/10/23 ms 14

Ikan asli pupus 6 tahun lagi jika pencerobohan pemangsa tak dikawal

Oleh Latifah Arifin  
latifah@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Ada kira-kira 80 spesies ikan asing sudah mendiami saluran negara ini, akibat daripada perbuatan melepaskannya secara sengaja atau terlepas daripada peliharaan pihak tertentu akibat bencana.

Antara sungai berdepan dominasi spesies ikan asing ini termasuk Sungai Klang, Sungai Gombak, Sungai Damansara, Sungai Rawang, Sungai Selangor, Sungai Tebrau, Sungai Kinta, Sungai Bidor, Sungai Linggi dan Empangan Timah Tasoh.

Aktivis perlindungan dan ekosistem sungai, Hasbullah Rahman, mendakwa kajiannya sehingga September lalu mendapati spesies ikan tempatan semakin sukar ditemui atau diperoleh dari saluran yang dikenal pasti itu.

Beliau mendakwa, pemantauan tidak menyeluruh mengenai kegiatan akuakultur di negara ini adalah di antara faktor banyak ikan asing terlepas ke perairan negara.

"Masih banyak sangkar dan kolam ternakan tidak dipantau, kebanyakan penternak masih memilih ikan asing untuk ditanak. Sepatutnya penternakan ikan asing mengguna sangkar di sungai perlu dilarang kerana risiko ternakan mereka terlepas

## Eksklusif

ke perairan memang tinggi.

"Mereka yang menternak mengguna kolam juga perlu ada pemantauan berkaitan penyelidikan rapi jika membabitkan sumber air semula jadi. Selain itu, antara punca lain menyebabkan lambakan ikan jenis ini adalah kehadiran kedai atau peniaga ikan hiasan secara fizikal dan dalam talian.

"Mereka ini masih bebas membawa masuk ikan asing yang dilarang dan menjual secara terbuka. Kebanyakan kedai ikan hiasan juga tidak memaklumkan kepada pembeli mengenai spesies yang dijual dan tidak menegakkan (kepada pembeli) risiko melepaskan ikan asing ke perairan," katanya.

Beliau berkata, ada kalanya ikan asing terlepas secara tidak sengaja akibat kebocoran kolam atau sangkar ternakan yang terhubung dengan perairan seperti melalui parit atau anak sungai, selain terlepas apabila kolam, melimpah akibat ditenggelami banjir.

Katanya, ada juga ikan asing yang dilepaskan secara sengaja oleh pihak tidak bertanggungjawab seperti penternak atau secara individu atas tujuan keagamaan.

Pengasas kelab pemancing, River Monster Hunter (RMH),

Jeffri Muin, berkata Jabatan Perikanan perlu bertindak lebih agresif bagi mengawal populasi ikan asing yang bermaharajalela dan menjadi spesies pemusnah dalam ekosistem perairan negara.

**Jumlah terus meningkat**

Beliau berkata, lebih banyak perairan negara bakal berdepan pencerobohan ikan pemangsa berkenaan dengan jumlah terus meningkat setiap tahun.

"RMH ada sekitar 230 ahli di setiap negeri, termasuk Sabah dan Sarawak. Jadi, setiap pemancing ini kerap melaporkan situasi ikan asing ini di lokality masing-masing. Daripada situ kami tahu kawasan mana yang terancam.

"Daripada laporan ahli kami, Sungai Perak paling teruk dikuasai ikan asing ini, malah dua spesies baung ekor merah ada di sungai itu iaitu Asian Redtail Catfish dan Amazon Redtail Catfish. Malah, pemancing melaporkan spesies patin dari

Sungai Chao Phraya dan Sungai Mekong juga sudah ada di situ," katanya kepada BH.

Jeffri mendakwa, beberapa perairan yang sebelum ini tidak merekodkan sebarang penemuan ikan asing turut diceroob tahun ini termasuk Sungai Muar, Sungai Terengganu, Sungai Karak dan Tasik Putrajaya.

Beliau berkata, walaupun pelbagai langkah sudah diambil pihak berkaitan terutama Jabatan Perikanan, namun ia tidak cukup agresif untuk menyekat kebanjiran ikan asing yang semakin mengganas di Malaysia.

"Apa yang kita bimbang, jika

## IKAN INVASIF

Senarai 19 spesies ikan dilarang import ke Malaysia


1. Piranha (Serrasalmus)
2. Piranha (Serrasalmo)
3. Piranha (Pygocentrus)
4. Piranha (Catoprian)
5. Piranha (Pygopritis)
6. Piranha (Pristobrycon)
7. Pacu/Bawal Merah (Collosomma/Piaractus)
8. Pacu/Bawal Merah (Mylopus/Myleus)
9. Silver Dollar (Mylossoma)
10. Silver Dollar (Myletes)
11. Salmon (Salmo/Oncorhynchus)
12. Trout (Salmo/Oncorhynchus)
13. Peacock Bass (Cichla)
14. Northern Pike (Esox)
15. Flower Horn (Cichlasoma)
16. Dragon Fish (Arapaima)
17. Alligator Fish (Lepisosteus)
18. Common Yabby (Cherax)
19. Sturgeon (Acipenser)

Pelepasan benih ikan di perairan seluruh negara

2021  
6.88 juta

2022  
9.1 juta

2023  
6.51 juta  
(setakat Oktober)



### Ciri ikan invasif atau asing

- ▶ Boleh hidup dalam kualiti air tidak baik
- ▶ Kadar pembiakan tinggi
- ▶ Boleh hidup dengan sebarang jenis makanan
- ▶ Pilihan habitat fleksibel

populasi ikan asing makin membiak, tak perlu tunggu 10 tahun lagi, dalam lima hingga enam tahun lagi, ikan asli kita akan pupus.

"Selain melepaskan benih ikan asli, kami sarankan Jabatan Perikanan membeli hasil nelayan darat, terutama spesies baung ekor merah dengan harga berpatutan. Melalui cara ini, dapat bantu nelayan darat menambah pendapatan sambil membantu usaha mengawal populasi ikan asing ini daripada terus membiak," katanya.

Beliau mendedahkan, daripada aktiviti memancing yang dijalankan kumpulan itu sepanjang Sungai Selangor, dianggarkan 60 hingga 70 peratus ikan asing berada di perairan itu, dengan spesies paling banyak adalah baung ekor merah, ikan hantu, keli afrika dan ikan bandaraya.

Tambahnya, pelepasan benih ikan asli yang dilaksanakan setiap tahun bagi mengawal ancaman ikan asing perlu dijalankan seiring dengan langkah pe-

mantauan yang berkesan.

"Apa yang penting adalah kerajaan perlu giatkan kepada orang awam terutama nelayan darat dan pemancing mengenai kepentingan memelihara ikan asli kita. Kalau lepaskan benih ikan asli tetapi tiada langkah kawalan, ia seolah-olah kita memberi makan kepada ikan asing ini, tentulah tindakan ini sia-sia.

"Satu lagi kelemahan Akta Perikanan 1985 adalah kesalahan membabitkan import ikan asing ini, hukumannya terlalu rendah iaitu RM1,000 sedangkan keuntungan dikaut pengimport jauh lebih tinggi dan tidak sepadan.

"Tak hairanlah pelaku biasanya mengulangi kesalahan sama sebab industri ini menguntungkan. Bagi kolam rekreasi dan ikan hiasan, apabila ikan terlalu besar, kos untuk membe-la makin tinggi, maka mereka buang ke sungai sehingga wujud lambakan spesies invasif ini," katanya.